

**Tajuk Rancangan Perniagaan**  
**PERUSAHAAN MEMPROSES GULA-GULA**  
**HERBA BERUBAT**

**Nama dan Alamat Perniagaan**

**GREEN LEAF CANDY INDUSTRY**  
**LOT A-75, JALAN 1B-2**  
**KAW. PERINDUSTRIAN MIEL SG. LALANG**  
**08000 SUNGAI PETANI**  
**KEDAH DARUL AMAN**

**Nama Penulis Rancangan Perniagaan**

<b>SHAHNAS MOHAMED SALLEH</b>	<b>96784323</b>
<b>TAJUL HASRUL MOHD RASHIDI</b>	<b>96343259</b>
<b>HASMAHANIM ABD HALIM</b>	<b>96715544</b>
<b>NORHAMISAH MOHD ISA</b>	<b>96779912</b>
<b>NOR FIZAWATI ZAINAL</b>	<b>96688291</b>

**DIPLOMA PENGURUSAN BANK**

**Tarikh Disediakan**  
**21 SEPTEMBER 1998**



## RINGKASAN

*Green Leaf Candy Industry* adalah sebuah kilang perusahaan memproses gula-gula berubat yang dihasilkan dari herba tempatan yang akan beroperasi di Kawasan Perusahaan MIEL di Sungai Petani.

Perusahaan ini menjalankan aktiviti mengeluar dan mengedar gula-gula tersebut ke seluruh kawasan utara Malaysia iaitu di kawasan Sungai Petani khususnya dan keseluruhan negeri Kedah amnya.

Perusahaan ini merupakan pelopor kepada industri pemprosesan makanan berdasarkan gula-gula berubat herba tempatan kerana belum ada perusahaan seumpamian baik di kawasan utara maupun di negara Malaysia sendiri.

Pengurusan syarikat merujuk kepada merancang, mengelola, mengarah dan mengawal input perniagaan. Pengurusan *Green Leaf Candy Industry* dibuat berdasarkan pengkhususan kerja. Kami mempunyai pengurus-pengurus jabatan yang merupakan rakan kongsi perniagaan ini yang bertindak mengendalikan jabatan-jabatan tersebut.

Kos untuk menjalankan perniagaan ini ialah RM 413 232 yang diperolehi daripada modal rakan kongsi dan pinjaman berpenggal daripada bank perdagangan.

*Green Leaf Candy Industry* menjangkakan keuntungan purata yang boleh diperolehi oleh perniagaan ini adalah lebih kurang RM 50 000 setahun.


## **KANDUNGAN**

1. Surat Iringan .....	i
2. Mukaddimah .....	ii
3. Penghargaan .....	iii
4. Ringkasan .....	iv
5. Kandungan .....	v
6. Pengenalan .....	1
7. Logo Syarikat .....	3
8. Tujuan .....	4
9. Latarbelakang Perniagaan .....	5
10. Latarbelakang Pemilik / Pekongsi .....	6
11. Surat Perjanjian Perkongsian .....	11
12. Lokasi Perniagaan .....	14
13. Rancangan Pentadbiran .....	16
14. Rancangan Pemasaran .....	31
15. Rancangan Operasi .....	49
16. Rancangan Kewangan .....	64
17. Rumusan .....	78
18. Lampiran .....	79

## PENGENALAN

*GREEN LEAF CANDY INDUSTRY* adalah merupakan sebuah perniagaan hasil gabungan lima orang usahawan bumiputera. Perniagaan ini ditubuhkan pada 2 Januari 1999 tertakluk di bawah Akta Perkongsian 1961. Lokasi perniagaan yang dipilih ialah di Lot A75,Jalan 1B-2,Kawasan MIEL Sungai Lalang, 08000 Sungai Petani,Kedah.

Perniagaan ini ditubuhkan bertujuan memperkenal dan memajukan industri makanan yang berkonsepkan gula-gula berherba tempatan. Memandangkan bahan mentah tempatan tidak digunakan sepenuhnya oleh para usahawan, kami mengambil inisiatif untuk menceburi perusahaan gula-gula berubat yang di mana kandungan utamanya dibuat daripada herba-herba tempatan. Produk kami menawarkan konsep gula-gula berubat di mana fungsi utama gula-gula tersebut adalah untuk mengurangkan kesakitan ringan atau alahan yang dihadapi orang ramai dan bukan sekadar gula-gula biasa. Produk ini sesuai untuk semua peringkat umur mengikut jenis gula-gula yang ditawarkan.



Dalam proses pengeluaran gula-gula ini, kami memasukkan ramuan herba untuk mengubati atau sekurang-kurangnya melegakan beberapa jenis penyakit ringan, setelah satu tinjauan yang kami buat mendapati ramai orang terutamanya kanak-kanak tidak menggemari ubat-ubatan klinik atau farmasi kerana rasa dan bentuknya. Dengan adanya produk baru kami ini, dijangkakan masalah susah untuk memakan ubat oleh orang ramai akan dapat di atasi. Produk kami terdiri daripada beberapa jenis gula-gula yang dapat mengurangkan penyakit-penyakit ringan. Walaubagaimanapun ini tak bermakna gula-gula ini hanyalah untuk mengubati penyakit-penyakit ringan tersebut,ini adalah kerana ia masih boleh dihisap seperti gula-gula biasa. Ini adalah kerana ia tidak mendatangkan kesan sampingan sebaliknya menjadi agen pencegahan.

Sumber bahan mentah juga mudah diperolehi dari pembekal-pembekal tempatan kerana kandungan produk menggunakan bahan tempatan secara keseluruhannya.

Perniagaan ini dilihat mempunyai potensi untuk maju di masa hadapan kerana wujudnya kelainan dari segi produk yang dikeluarkan. Ini boleh diperhatikan kerana kurangnya perusahaan menghasilkan gula-gula berubat daripada herba tempatan. Dengan strategi jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirangka, perniagaan ini mampu berkembang dan bersaing dengan pesaing-pesaingnya (perusahaan gula-gula biasa atau gula-gula herba luar negeri).

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, kami dengan inisiatif menubuhkan perniagaan ini dan cuba untuk menerapkan satu kemajuan yang biasanya diusahakan oleh kaum bukan bumiputera. Dengan lain perkataan, kami ingin menaikkan nama bangsa bumiputera sejajar dengan keperluan negara masa kini.

